

BN Sarawak Kekal Dengan Gabungan Muka Lama Dan Baharu Pada Pilihan Raya Umum Akan Datang - Taib Mahmud
Bernama
07 Mei, 2012

MUKAH, 7 MEI (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sarawak akan tetap berpegang kepada strategi yang telah terbukti kejayaannya iaitu dengan meletakkan calon muka lama dan baharu atau penyandang bagi sesuatu kerusi bagi pilihan raya umum akan datang, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Beliau yang juga Pengerusi BN Negeri berkata muka lama atau penyandang diperlukan kerana mereka berpengalaman dan telah diuji walaupun mereka mungkin kurang aktif.

"Kita perlu muka baharu supaya kita dapat melatih mereka dengan pengalaman kita untuk menjadi pemimpin masa depan. Yang baru juga lebih aktif," katanya pada sesi bertemu orang ramai di Oya dekat sini, pada Isnin.

Taib yang juga Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) berkata parti beliau akan meletakkan satu atau dua muka baharu pada pilihan raya akan datang.

"Semuanya terpulang kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai pengerusi BN untuk membuat keputusan dan menyokongnya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664229>